

23 FEB 2003

NAM-MAHATHIR (DOMINAN)

NAM DIMINTA BERSATU DAN AMBIL PENDIRIAN BERSAMA

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Anggota-anggota negara-negara Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mesti merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama untuk melindungi diri masing-masing daripada dominasi sekumpulan kecil negara lain, kata bakal pengerusi NAM Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Cabaran asas yang perlu dihadapi oleh pergerakan yang mempunyai 116 anggota itu ialah untuk menangani masalah dominasi oleh sekumpulan kecil negara berkenaan, kata Perdana Menteri Malaysia.

"Kita telah kehilangan pilihan untuk berpaling ke pihak yang satu lagi. Satu-satunya sahaja cara kita boleh melindungi diri kita ialah secara merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama," katanya ketika merasmikan Forum Perniagaan NAM di sini.

Forum dua hari yang diadakan di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini membincangkan isu-isu kritikal berkaitan hubungan ekonomi di kalangan anggota NAM dan juga untuk mencari jalan ke arah pembentukan usahasama di kalangan negara Selatan-Selatan.

Ia diadakan selari dengan mesyuarat enam hari ke-13 NAM yang bakal berakhir pada 26 Feb yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, dominasi negara-negara itu dapat dilihat daripada kawalan mereka ke atas media antarabangsa dan institusi-institusi yang berurusan dengan keselamatan dunia dan isu-isu ekonomi.

"Institusi-institusi Majlis Keselamatan dan Bretton Woods kekal di dalam genggaman kuat beberapa buah negara.

"Dominasi itu kini melangkaui hingga memaksa nilai dan piawai tanpa mengambilkira langsung budaya dan tradisi orang lain," katanya.

NAM diwujudkan ketika perang dingin oleh negara-negara membangun untuk menjadi kuasa ketiga antara dua blok kuasa besar, iaitu AS dan bekas Soviet Union.

Dr Mahathir menyeru negara-negara NAM "untuk menghantar pesanan jelas" kepada pihak yang memperkecilkan mereka bahawa pergerakan itu masih relevan dan ingin mengambil tanggungjawab lebih besar di dalam era selepas perang dingin ini.

NAM katanya, ialah sebuah forum perundingan negara-negara membangun untuk mengkoordinat pendirian atas isu-isu politik dan ekonomi yang penting.

"Ia adalah satu-satunya forum di mana Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan Selatan bertemu bagi mengkaji perkembangan-perkembangan yang memberi kesan kepada kita semua."

"NAM, bagi pihak negara-negara Selatan, akan terus memperjuangkan mendapatkan keadilan sebuah order dunia baru berasaskan prinsip keadilan, persamaan dan demokrasi di dalam hubungan antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri turut segera mengingatkan bahawa sebelum negara-negara Selatan dapat menuntut dipertimbangkan secara bersama dan sebagai satu pihak di dalam senario antarabangsa, ia mesti menyelesaikan kelemahannya sendiri.

Perbazaan etnik, puak dan keagamaan dan konfrantasi bersenjata mesti diselesaikan, katanya. -- BERNAMA

MAD AHM